



# Insentif PENJANA lonjak pinjaman bank

Pengecualian cukai hartanah, automotif turut dorong tambah permohonan

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Insentif yang disediakan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) memabtkan sektor hartanah dan automotif menyokong peningkatan permohonan pinjaman untuk bulan kedua berturut-turut pada Julai 2020, demikian menurut Maybank IB Research. Unit penyelidikan Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB) itu berkata, permohonan pinjaman meningkat 5.9 peratus pada Julai lalu selepas melonjak 8 peratus pada Jun dipacu pertumbuhan dalam permohonan pinjaman automotif, gadaai janji dan modal kerja.

"Permohonan pinjaman automotif melonjak 64 peratus

pada Julai, sementara permohonan gadaai janji meningkat 19 peratus dan kami percaya disokong pelan pemulihan PENJANA yang mengandungi langkah pelonggaran sektor perumahan serta automotif.

"Bagi perumahan, terdapat pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pengecualian duti setem dan had pembiayaan bagi pinjaman rumah ketiga atau selanjutnya.

"Bagi kereta pula, kerajaan mengumumkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) rendah terhadap pemasangan tempatan (CKD) dan model import sepenuhnya (CBU) yang masing-masing sifar dan lima peratus berbanding 10 peratus sebelum ini," kata Maybank IB Research dalam nota penyelidikannya.

**Pertumbuhan pinjaman isi rumah pantas pada kadar 4.3 peratus pada Julai berbanding 3.5 peratus Jun lalu.**

Maybank IB Research

Ia berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun lalu dan pengumuman pakej PENJANA pada 5 Jun, memberi ruang kepada pemulihan sentimenten.

Katanya, pertumbuhan pinjaman meningkat kepada 4.5 peratus pada Julai berbanding

4.1 peratus pada Jun dan naik 3.3 peratus berdasarkan asas tahunan.

"Satu perkara yang perlu diperhatikan adalah dengan moratorium pinjaman kekal hingga akhir September ini, ada sedikit pembayaran semula untuk mengimbangi pinjaman diagihkan, yang menjadi faktor penyumbang kepada peningkatan pertumbuhan pinjaman.

"Pertumbuhan pinjaman isi rumah pantas pada kadar 4.3 peratus pada Julai berbanding 3.5 peratus Jun lalu, sementara pertumbuhan pinjaman bukan isi rumah susut sedikit kepada 4.7 peratus berbanding 4.9 peratus pada Jun," katanya.

Bagaimanapun, Maybank IB Research berkata, bagi purata pergerakan tiga bulan, permo-

nonan pinjaman agregat kekal dalam wilayah negatif meskipun mengecil, iaitu -8.3 peratus pada Julai berbanding -24.1 peratus pada Jun berikutan penguncupan besar permohonan pinjaman yang dicatatkan pada April dan Mei dengan masing-masing -44 peratus dan -39 peratus.

Bagi deposit pula, ia berkata, pertumbuhan stabil pada paras 4.2 peratus semasa Julai berbanding 4.3 peratus semasa Jun.

Peningkatan dalam pertumbuhan Akaun Semasa dan Simpanan (CASA) berterusan dengan meningkat 18.4 peratus pada Julai yang secara keseluruhan positif kepada bank dalam kemampuannya untuk menguruskan kos pembiayaan serta peningkatan margin.